

07 MAY 1996

Kedah-ADUN

ADUN KEDAH JUMPA PM NYATAKAN SOKONGAN

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Tujuh anggota dewan undangan negeri Kedah bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya pagi ini dan menyatakan kesetiaan mereka kepada beliau berhubung perlantikan Menteri Besar yang baru.

Anggota Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Encik Badri Yunos, yang menyifatkan pertemuan itu sebagai "pertemuan anak dengan ayah," berkata terserahlah kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan.

"Sebagai ahli (parti) kita setia kepada pemimpin," katanya kepada pemberita ketika ditanya sama ada mereka akan memberi sokongan kepada Menteri Besar baru.

Dr Mahathir mengumumkan semalam bahawa Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff telah mengemukakan surat perletakan jawatannya tetapi beliau belum memutuskan sama ada hendak menerimanya atau tidak.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa beliau mungkin mengadakan pertemuan dengan Anggota-anggota Parlimen dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah untuk mengetahui pendapat mereka sebelum membuat keputusan itu.

Umno menguasai 26 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Kedah yang mempunyai 36 anggota.

Difahamkan tujuh anggota yang bertemu Perdana Menteri pagi ini merupakan kumpulan pertama manakala yang lain akan berbuat demikian secara berperingkat-peringkat.

Selain Badri, ADUN yang turut serta ialah Abdul Razak Hashim (Guar Chempedak), Hassan Bulat (Padang Matsirat), Mohamed Hadzir Jaafar (Jeneri), Jamaluddin Yusof (Pantai Merdeka), Che Pora Omar (Merbau Pulas) dan Abdul Lateh Mohamed Saman (Kuala Nerang).

Mereka bertemu Dr Mahathir secara individu, kata Badri sebelum memandu kereta keluar dari pagar utama Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan tiga ADUN lain di dalam kereta pada kira-kira pukul 12.30 tengah hari.

Ketika ditanya sama ada nama pengganti Osman disebut pada perjumpaan itu, beliau berkata: "Itu tanya dia (PM) sendirilah".

Bagaimanapun Hassan, yang meninggalkan perkarangan JPM lebih awal pada pukul 10 pagi, berkata soal nama pengganti Osman tidak dibangkitkan.

"Pertemuan ini untuk menyatakan taat setia kepada Presiden parti...kita akan sokong beliau sepenuhnya," katanya.

Anggota Parlimen Yan, Datuk Badruddin Amiruldin, yang berkereta keluar 10 minit kemudian, juga menyatakan sokongan kepada sesiapa sahaja yang dipilih sebagai menteri besar oleh Dr Mahathir.

"Beliau adalah bos," katanya.

Baru-baru ini, 22 ADUN Kedah menghantar memorandum kepada Dr Mahathir bagi membantah cadangan menggantikan Osman sebagai Menteri Besar tetapi kemudiannya meminta maaf dan menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat sebarang keputusan berhubung isu itu.

Anggota-anggota Parlimen Kedah juga menyerahkan mandat kepada Dr Mahathir untuk membuat sebarang keputusan.

Di ALOR SETAR, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Zainol Md Isa yang merupakan jurucakap ADUN yang menyerahkan memorandum itu, tidak mahu membuat ulasan ketika ditanya tentang perletakan jawatan Osman.

Ketika dihubungi hari ini Zainol yang berada di Pulau Pinang juga enggan menyatakan pendirian sama ada akan menerima sesiapa yang dilantik oleh Perdana Menteri untuk menggantikan Osman.

"Saya tak mahu komen perkara itu", katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, beliau berkata ia mungkin diadakan Khamis ini.

Apabila diberitahu mengenai kenyataan Osman pagi ini bahawa beliau menyerahkan surat perletakan jawatan itu kerana arahan Perdana Menteri,
MZM NMO